

PENGGUNAAN “IR SMART PHONICS KIT” MEMBANTU MENINGKATKANTAHAP PENGUASAAN FONEMIK BAHASA INGGERIS DI KALANGAN KANAK- KANAK TABIKA KEMAS BUNGA ROS 1, PUTRAJAYA

Hamima binti Husin

TABIKA KEMAS Bunga Ros 1, Putrajaya, Malaysia

hamima.husin@gmail.com

Abstrak

Fonik (Phonics) merupakan salah satu kaedah mengajar asas membaca Bahasa Inggeris bagi membantu kanak-kanak untuk mula belajar membaca dengan memperkenalkan gabung bunyi di antara satu huruf ke satu huruf yang lain. Penelitian tertumpu kepada proses yang berlaku semasa pengajaran. Objektif kajian ini adalah (i) mengenalpasti tahap peningkatan penguasaan penggunaan “IR Smart Phonics Kit” dalam meningkatkan tahap penguasaan fonemik bahasa inggeris di kalangan kanak-kanak TABIKA KEMAS Bunga Ros 1, Putrajaya dan melihat kesan penggunaan “IR Smart Phonics Kit” dalam membantu untuk meningkatkan tahap penguasaan fonemik” bahasa inggeris bagi kanak-kanak di TABIKA KEMAS Bunga Ros 1, Putrajaya. IR Smart Phonics Kit merupakan satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang mana terdapat bahan permainan interaktif “My Phonics”, IR Smart Board & English Kit dan Modul "LiteraLearn: Phonics Expedition" di dalamnya serta boleh diakses melalui capaian QR-Code. Rekabentuk kajian adalah kajian tindakan menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data ini diperolehi melalui nota lapangan, temubual, dan analisis dokumen (hasil kerja kanak-kanak) yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kelas TABIKA KEMAS Bunga Ros 1. Data yang diperolehi di analisis dan diuraikan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa “IR Smart Phonics Kit” dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dengan mudah. Peserta kajian juga di dapati lebih bermotivasi dan berminat untuk membaca pelbagai jenis bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris. Cadangan kajian seterusnya adalah dapat diperluaskan lagi dalam Tunjang Komunikasi.

Kata kunci: Kemahiran membaca, kaedah fonik, TABIKA KEMAS, fonemik.



PENGGUNAAN "IR SMART PHONICS KIT" MEMBANTU MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN FONEMIK BAHASA INGGERIS



ABSTRAK ✓

Kajian ini merupakan sebuah kajian linguistik dalam dalam mengenalpasti kaedah Fonik (Phonics). Merupakan salah satu kaedah mengajar asas membaca Bahasa Inggeris bagi membantu kanak-kanak untuk mula belajar membaca dengan memperkenalkan gabung bunyi di antara satu huruf ke satu huruf yang lain. Penelitian tertumpu kepada proses yang berlaku semasa pengajaran. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti tahap peningkatan penguasaan penggunaan "IR Smart Phonics Kit" dalam meningkatkan tahap penguasaan fonemik bahasa inggeris di kalangan kanak-kanak TABIKA KEMAS.

KELEBIHAN ✓

IR Smart Phonics Kit ini meliputi bahan seperti permainan interaktif "My Phonics", IR Smart Board dan Modul "LiteraLearn: Phonics Expedition". Kesemua komponen ini dapat bekerja sama untuk meningkatkan pembelajaran fonik anak-anak. Kombinasi pembelajaran secara teknologi dan tradisional ini mampu menjadikan fokus kanak-kanak dalam pembelajaran lebih lama dan tinggi. Bahan ini juga menawarkan permainan interaktif yang melibatkan kanak-kanak secara aktif dan membolehkan pengguna membuat pengulangan latihan dan pemantauan kemajuan kanak-kanak. Menggabungkan teknologi interaktif dengan modul pembelajaran yang mendalam menciptakan pendekatan pembelajaran fonik yang holistik. Anak-anak dapat belajar melalui pengalaman latihan dan teori yang baik.

KELEBIHAN ✓

Penggunaan IR Smart Phonics Kit melalui kaedah infrared menggantikan smartboard dan lebih murah dan mudah digunakan oleh pengguna. Penjanaan QR Code bagi capaian permainan interaktif "My Phonics" yang mesra kanak-kanak memudahkan pengguna membuat rujukan bagi penggunaan bahan dalam IR Smart Phonics Kit.



OBJEKTIF ✓

Mengenalpasti tahap peningkatan penguasaan penggunaan "IR Smart Phonics Kit" dalam meningkatkan tahap penguasaan fonemik bahasa inggeris di kalangan kanak-kanak TABIKA KEMAS, Putrajaya. Melihat kesan penggunaan "IR Smart Phonics Kit" dalam membantu untuk meningkatkan tahap penguasaan fonemik" bahasa inggeris bagi kanak-kanak di TABIKA KEMAS.

POTENSI PENGKORMERSILAN ✓

Penggunaan Modul "LiteraLearn: Phonics Expedition" dan permainan interaktif "My Phonics" dalam IR Smart Phonics Kit dapat digunakan dalam pendidikan jarak jauh atau pembelajaran online, memungkinkan anak-anak untuk belajar fonik dari mana saja. Penggunaan pemasaran digital dan platform e-commerce dapat membantu mencapai pasar yang lebih luas dan mempromosikan produk secara efektif. Selain itu, mendapatkan sokongan dari pendidikan awal kanak-kanak dan para ahli pendidikan juga dapat membantu dalam membangun reputasi produk dan mendapatkan kepercayaan dari pelanggan potensial.

KEBOLEHGUNAAN ✓

Secara keseluruhannya, IR Smart Phonics Kit, Modul "LiteraLearn: Phonics Expedition" dan permainan interaktif "My Phonics" dapat menciptakan lingkungan pembelajaran yang komprehensif juga pelbagai gabungan teknologi interaktif dengan landasan teori yang kuat. Ini dapat membantu kanak-kanak, ibu bapa dan pendidik memahami dan menguasai konsep-konsep fonik dengan lebih baik. Modul dan permainan interaktif ini juga boleh menjadi rujukan bagi pengguna kaedah fonik di seluruh Malaysia. IR Smart Phonics Kit telah dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di beberapa TABIKA KEMAS di Putrajaya.

NOVELTY /INVENTIVENESS ✓

Modul dan permainan interaktif pertama di TABIKA KEMAS yang diketengahkan bagi pembelajaran fonik dilengkapi dengan bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

HAMIMA HUSIN
PENYELIDIK



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar